

05 MAY 1998

MAHATHIR HANTAR PERUTUSAN KE NEPAL

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Baru Nepal, Girija Prasad Koirala.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri yakin bahawa Nepal akan terus maju dan makmur di bawah pimpinan Koirala.

Mahathir juga berkata, hubungan kedua-dua negara sentiasa baik dan berharap akan wujud kerjasama yang lebih lagi demi hubungan dan manfaat kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AKT PR